



18 Mei 2006

Kepada pihak yang berkenaan,

Canonical Ltd. adalah organisasi global beribu pejabat di Kepulauan Man yang komited dalam membangun, mengedar dan mempromosi produk perisian sumber terbuka serta menyediakan keperluan dan bantuan terhadap komuniti sumber terbuka.

Projek-projek Canonical termasuklah perisian pengoperasian Ubuntu, Kubuntu, dan Edubuntu. Kesemua produk ini dibangunkan sebagai perisian sumber terbuka dan percuma serta boleh diguna, diubahsuai, dan disebar tanpa izin dan tiada sebarang bayaran dikenakan. Canonical mengirim cakera padat (CD) kepada pengguna yang telah membuat permintaan secara percuma bagi mempromosikan Ubuntu, Kubuntu, dan Edubuntu. Perisian yang terkandung di dalam CD ini boleh juga dimuat turun menerusi laman web kami secara percuma.

Kesemua pengiriman CD Ubuntu, Kubuntu, dan Edubuntu adalah diedarkan secara percuma. Bagi tujuan pengiriman, kami mengisytiharkan nilai setiap CD sebanyak EUR 0.13. Bagaimanapun, kesemua CD ini adalah bahan promosi percuma; bukannya barangan import untuk jualan atau seumpamanya. Dengan itu, sepatutnya tiada sebarang caj duti import yang dikenakan.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi saya.

Yang benar,

Marilize Coetzee

Distribution Co-ordinator

Tel: +27 21 970 1104

Fax: +27 21 970 1105

Email: marilize@canonical.com

Canonical Limited
Directors: C A Bean, P J Carpenter & K J Foden
Registered in the Isle of Man, Company number 110334c
Registered Office: One Circular Road, Douglas, Isle of Man IM1 1AF
VAT Registration: GB 002 3060 52
www.canonical.com